



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 1 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKAL DAGING, AL-QUDS LIVESTOCK TEMBUSI LOTUS'S MALAYSIA, HM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	TUAI RM20K SEBULAN, LOKAL, HM -12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	256.7KG DAGING WAGYU DIRAMPAS, LOKAL, HM -21	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	1.8 TAN MAKANAN HAIWAN DARI ITALI DIRAMPAS, DALAM NEGERI, UM -29	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	RAI SAMBUTAN ULANG TAHUN FAMA DI PASAR TANI, KOMUNITI KITA, UM -42	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	AGROBANK PACU PEMULIHAN, BISNES, HM -29	AGROBANK
7.	MULA SUKA-SUKA KINI JADI SUMBER PENDAPATAN, LOKAL, HM -12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Bekal daging, Al-Quds Livestock tembusi Lotus's Malaysia



Putrajaya: Syarikat tempatan Al-Quds Livestock ditawarkan peluang memasarkan 16 unit simpanan stok (SKU) produk daging tempatan di tujuh cawangan Lotus's Malaysia bermula 30 Ogos lalu.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi kenyataan media memaklumkan, syarikat berkenaan turut diberikan peluang memasarkan produk SKU di

lima stor sekitar Lembah Klang bermula 3 September lalu.

Menurut MAFI, pihaknya memainkan peranan proaktif dalam pepadanan perniagaan dengan membantu memperluas dan mempercepat pemasaran produk daging tempatan melalui usahasama strategik dengan syarikat pengeluar dan pasaraya besar.

Katanya, kerjasama ini dilaksanakan secara rintis dengan memadankan pengeluar dan pengusaha produk daging tempatan bimbingan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) iaitu syarikat Al-Quds Livestock dengan Lotuss Store (Malaysia) Sdn Bhd (Lotus's Malaysia) yang dahulunya dikenali sebagai Tesco Malaysia.

"Melalui kerjasama ini Al-Quds Livestock menjadi satu-satunya pengeluar dan pembekal daging tempatan di Lotus's Malaysia".

"Bagi memastikan usahawan tempatan seperti Al-Quds berjaya meningkatkan penjualan, Lotus's Malaysia turut memberikan sokongan tambahan dari segi tunjuk ajar dalam pelaksanaan promosi dan penggunaan ramalan penjualan untuk merancang ketersediaan produk," katanya.

Dalam pada itu MAFI berkata, pihaknya komited untuk memperkukuh pasaran produk daging tempatan melalui kemudahan dan bimbingan teknikal yang disediakan oleh jabatan dan agensi serta khidmat pepadanan pemasaran oleh kementerian.

Katanya, usahawan yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan ini dipelawa untuk menghubungi pejabat DVS negeri atau MAFI bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Syarikat Al-Quds adalah salah sebuah pemain industri pelancongan yang terjejas akibat pandemik Covid-19 dan menjalankan operasi ini sejak 12 tahun lalu.

Pada tahun lalu syarikat ini memutuskan untuk menerokai bidang baharu iaitu penternakan lembu dan pemprosesan daging segar melalui pewujudan Al-Quds Livestock demi kelangsungan perniagaan.

Pada ketika ini Al Quds Livestock mempunyai ladang ternakan di Rantau Panjang, Kelantan dengan kapasiti maksima 2,000 ekor lembu.

Syarikat ini juga memilih dua outlet jualan iaitu di Kota Bharu, Kelantan dan di Bangi, Selangor untuk memasarkan 37 produk makanan sejuk beku terdiri daripada daging yang telah diproses dan 10 produk makanan sedia dimakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	12

Tuai RM20k sebulan

Usahawan Jabatan Pertanian nikmati hasil lumayan tanaman cili

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Siapa sangka, hanya berbekalkan modal yang sedikit dan bertani secara kecil-kecilan dengan mengusahakan tanaman cili, ia mampu memberikan pulangan yang lumayan.

Itulah dibuktikan usahawan Jabatan Pertanian, Muhammad Hafizuddin Adenan, 30, yang berasal dari Felca Chalok, Setiu, Terengganu.

Mulai mencuba bidang pertanian pada 2018, Muhammad Hafizuddin berjaya membuktikan dengan hanya 'bekerja kampung' iaitu sebagai pekebun, dirinya mampu memperoleh hasil yang tinggi.

Lebih membanggakan, Muhammad Hafizuddin mampu mencapai hasil 10 kilogram (kg) per polibeg selama dua musim berturut-turut yang juga tertinggi bagi potensi hasil dalam jabatan Pertanian.

Kini, dengan tanaman sebanyak 5,700 polibeg, Muhammad Hafizuddin mampu meraih pendapatan RM20,000 sebulan.

Dengan diploma dalam Perniagaan Pertanian, Muhammad Hafizuddin tidak pernah menyalahkan bidang pertanian.

Menurutnya, dia percaya walaupun hanya bekerja di kampung dan berbudi pada tanah ia mampu menjana pendapatan.

"Keputusan untuk bertani ini juga didorong oleh kejayaan ayah yang mampu menjana pendapatan, membeli rumah dan tanah hanya sebagai peneroka Felca.

"Alhamdulillah, dengan ilmu yang dipelajari, dorongan dari keluarga dan bantuan dari Jabatan Pertanian, saya bukan saja mampu meraih pendapatan, tetapi juga memperluaskan lagi tanaman," katanya yang kini sudah mengusahakan dua kebun iaitu kebun cili dan kebun terung.

Selain mendapat sokongan dan bantuan keluarga, Hafizuddin juga bertuah mempunyai seorang mentor dalam pertanian yang banyak membantunya dari mula sehingga sekarang iaitu Mohd Bukhari Mohamad atau dikenali dengan gelaran Abang Mat.

Muhammad Hafizuddin juga penerima bantuan Jabatan Pertanian yang banyak memajukan tanamannya.

Ditanya bagaimana dirinya yang ketika itu baru setahun bertani berjaya memperoleh bantuan dari Jabatan Pertanian, dia mengetahui mengenai bantuan

menerusi laman Facebook jabatan itu dan memohon bantuan daripada Pejabat Pertanian Daerah.

Katanya, walaupun ketika itu dia baru setahun bertani, dia tidak menyangka akan berjaya menerima bantuan berupa peralatan pertanian.

"Selain bantuan peralatan pertanian, Jabatan Pertanian juga memberikan khidmat sokongan termasuklah menjawab semua pertanyaan saya mengenai pertanian ini.

"Bukan itu saja, Jabatan Pertanian juga memberi peluang kepada saya untuk memperluaskan lagi tanaman menerusi teknologi pertanian yang menggunakan pertanian pintar," katanya.

Menerusi sistem pertanian pintar ini, sebagai permulaan Muhammad Hafizuddin cuba menggunakan sistem *Internet of Things* (IoT) bagi 1,000 polibeg.

"Dengan sistem IoT ini juga, saya boleh memantau tanaman dari mana-mana saja tanpa berada di kebun terutama untuk siraman dan pembajaan," katanya.

Ilmu dalam perniagaan pertanian yang dipelajari itu juga tidak sia-sia kerana ia membantunya memajukan pertanian terutama dalam pemasaran tanaman yang ada. Sebagai usahawan jabatan

Pertanian, Muhammad Hafizuddin sangat menggalakan petani lama dan baharu memohon bantuan yang disediakan jabatan itu.

"Saya juga berharap, mereka di luar sana yang mahu bertani berani mencuba bidang pertanian yang pastinya memberikan hasil dan pulangan yang memberangsangkan," katanya.



HAFIZUDDIN menunjukkan hasil tuai cili di kebunnya.

TANAMAN cili mempunyai permintaan tersendiri.

MAMPU cabul hasil 10kg per polibeg.

Kuala Terengganu: Bermula sekadar suka-suka untuk mengisi masa lapang kini penternakan ayam serama yang diusahakan mampu menjadi sumber pendapatan.

Penternak Mohd Hamdi Mohamad, 37, dari Kampung Padang Machang, Manir di sini, berkata dia mula bergiat dalam penternakan ayam serama sejak 2002.

"Pada awalnya saya hanya meminati dan membela ayam serama untuk suka-suka. Penternakan ayam serama itu sekadar mengisi masa lapang selepas pulang dari kerja.

"Bagaimanapun, apabila menyedari potensi penternakan ayam serama itu, saya mengambil keputusan membeli baka ayam serama yang terbaik untuk diternak secara komersial.

"Baka paling terkenal saya biak sekarang ialah Sami Gila dan baka itu kerap memenangi pertandingan ayam serama," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, semalam.

Mula suka-suka kini jadi sumber pendapatan



MOHD Hamdi melihat ayam serama yang diternak ketika ditemui di rumahnya, semalam. - Gambar NST/ABIMAD RABIUL ZULKIFLI

Mohd Hamdi atau lebih mesra dipanggil Madi Manir berkata, dia mampu menjual lebih lima pasang ayam serama pada setiap bulan.

"Harga ayam serama yang

dijual bermula dari RM300 mesra dipanggil Madi Manir berkata, dia mampu menjual lebih lima pasang ayam serama pada setiap bulan.

"Paling mahal saya pernah menjual seekor ayam sera-

ma berusia empat bulan dengan harga RM1,500 seekor," katanya.

Katanya, dia mempunyai sebanyak 200 ayam serama pelbagai peringkat usia dan



HARGA ayam serama yang dijual Mohd Hamdi bermula dari RM300 hingga RM1,500 seekor.

grad di mana unggas berkenaan mudah diternak kerana kos makanannya tidak besar.

"Harga jualan ayam serama pula sentiasa kekal dan tidak jatuh walaupun permintaannya tidak sehebat 20 tahun lalu. Paling murah RM100 seekor sekarang. "Saya juga bermula de-

ngan satu reban kecil, tetapi sekarang memiliki reban ayam serama yang besar membabitkan kos pembinaan RM11,000.

"Hasil jualan ayam serama itu dikumpul sebelum membina reban besar yang mampu memuatkan lebih 300 ekor ayam serama pada satu masa," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

256.7kg daging wagyu dirampas

Selangor: Sebanyak 256.7 kilogram (kg) daging lembu wagyu diimport dari Australia dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kerana tidak memiliki permit import sah.

Menurut satu kenyataan Maqis Selangor semalam, daging lembu wagyu ber-

nilai RM35,981 itu dirampas ketika pemeriksaan rutin dilakukan di kawasan KLIA Kargo kira-kira jam 12 tengah hari.

“Perbuatan mengimport dagangan hasil haiwan tanpa permit import adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara

maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali.

“Pihak Maqis sentiasa teliti dalam melakukan pemeriksaan bagi setiap komoditi haiwan, tumbuhan serta karkas sama ada yang diimport atau dieksport bagi mengawal dan menjaga biosekuriti, selain kawalan penyakit dan keselamatan makanan di dalam negara,” menurut kenyataan itu.
- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

1.8 tan makanan haiwan dari Itali dirampas

BUTTERWORTH: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menggagalkan cubaan membawa masuk 1,800 kilogram (kg) makanan haiwan dari Itali di Pelabuhan Denmaga Air Dalam (DAD), di sini, kelmarin.

Maqis negeri dalam kenyataan di sini memaklumkan, produk itu dirampas ketika pemeriksaan rutin di tapak pemeriksaan Gudang Zon Bebas DAD kira-kira pukul 5.40 petang.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati keseluruhan makanan haiwan tersebut yang dimuatkan di dalam 1,800 beg tidak mempunyai permit import Maqis yang sah.

"Sehubungan itu, produk makanan haiwan yang dimuatkan di dalam sebuah kontena bernilai RM10,557.85 ditahan untuk siasatan lanjut," demikian menurut kenyataan itu.

Tambahnya, perbuatan mengimport dagangan tanpa permit import Maqis yang sah adalah kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta728].

Jika sabit kesalahan jelasnya, boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), Akta yang sama dan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis sentiasa melakukan pemeriksaan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	42

Rai sambutan ulang tahun FAMA di pasar tani

SEMPENA Ulang Tahun Ke-56 penubuhan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), sambutannya turut dladakan di Pasar Tani Ampangan, Seremban, baru-baru ini.

Dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian Dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir, majlis berlangsung dengan pelbagai acara dan

program dijalankan. Ia termasuklah acara memotong kek, promosi jagung Kuala Pilah dan edaran jagung cawan serta bubur jagung kepada para pengunjung di pasar tani tersebut.

Sementara itu dalam program tersebut, Bakri berkata, sebanyak empat buah pasar tani di negeri ini telah dinalk taraf oleh pihak FAMA iaitu melibatkan mengecat

semula, penukaran papan tanda dan penukaran kain kanopi.

■ **BAKRI** Sawir (kiri) menyerahkan sumbangan bubur jagung kepada pengunjung di Pasar Tani Ampangan, Seremban baru-baru ini sempena sambutan Ulang Tahun FAMA Ke-56.
- **UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2021	HARIAN METRO	BISNES	29

Agrobank pacu pemulihan

Kuala Lumpur: Agrobank siap sedia untuk memacu pelan pemulihan sosioekonomi dan pertumbuhan negara dalam sektor pertanian dan jaminan bekalan makanan menerusi pelan strategik lima tahunnya, Pelan Perniagaan Strategik 2021-2025 (SBP 2021-2025).

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, pertanian kekal sebagai satu enjin utama pertumbuhan daripada perspektif ekonomi dan pembangunan sosial di Malaysia.

Katanya, sebagai satu-satunya Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang memfokuskan sektor pertanian di negara ini, Agrobank terus memberi tumpuan untuk berkhidmat mengi-



Gelombang Covid-19 secara ketara mengubah beberapa trend sedia ada, khususnya dalam penggunaan digitalisasi”

Khadijah Iskandar

kut keperluan sektor pertanian dan komunitinya menerusi SBP 2021-2025.

“Adalah menjadi mandat kami sejak penubuhan Agrobank pada 1969 untuk menyokong kerajaan dalam membangunkan sektor pertanian dan kami percaya dalam usaha mencapai visi diperbaharui kami ‘Memperkasakan Pertanian Melangkaui Perbankan’, masih ba-

nyak harus dilakukan untuk menyokong dan membangunkan komuniti agro, khususnya komuniti yang kurang mendapat perhatian dan terpinggir,” katanya.

Khadijah berkata, Covid-19 mendekatkan pihaknya dengan pelanggan, dalam memberikan lebih perhatian memahami keperluan kritikal mereka ketika tempoh yang sukar ini.

“Gelombang Covid-19 secara ketara mengubah beberapa trend sedia ada, khususnya dalam penggunaan digitalisasi.

“Kami yakin masih banyak lagi yang boleh dilakukan untuk komuniti dan banyak pelan menarik yang sudah kami susun bagi menyokong pemulihan jangka masa panjang bagi sektor pertanian,” katanya.